

Tugasan Sejarah: Bangunan Bersejarah

Pelajar boleh memilih bangunan bersejarah seperti bangunan sekolah sendiri, masjid atau tempat beribadat, menara atau binaan seperti tugu, makam, dataran dan sebagainya. Walau bagaimanapun kesemuanya tertakluk kepada kehendak / nasihat guru masing-masing. Pelajar mesti ikut arahan guru masing-masing.

Kalau guru sekolah hendak huraian dipanjang lebarkan, maka huraian dipanjang lebarkan. Jika hendak diperbanyakkan contoh, maka diperbanyakkan contoh. Maklumlah, guru sekolah andalah yang menyemak dan memberi markah kepada tugasan anda.

Diharap contoh-contoh berikut dapat membantu pelajar.

TAJUK

PART (1)

Contoh Tugasan
Sejarah PT3 2016

BANGUNAN BERSEJARAH

BANGUNAN SULTAN

ABDUL SAMAD

Ditulis oleh : _____

Tingkatan : _____

No. Kp : _____

Angka Giliran : _____

*Contoh tugasan ini adalah bertujuan untuk membantu pelajar membuat tugas sendiri. Pelajar tidak dibenarkan melakukan plagiat. Pelajar harus menghasilkan tugas dengan usaha sendiri dan tidak meniru secara bulat-bulat. Sumber rujukan yang dipetik perlu dinyatakan. Pelajar hanya perlu mengolah semula maklumat dengan ayat sendiri.

1.2 JADUAL KERJA / SENARAI SEMAK

Bil	Perkara	Halaman	Tarikh	Tandatangan
1.1	Tajuk kajian	1		
1.2	Jadual kerja	2		
1.3	Objektif kajian	3		
1.4	Kaedah kajian	4		
2.1	Mengumpul maklumat	5		
2.2	Kerangka kasar penulisan	8		
3.1	Pengenalan	9		
3.2	Latar belakang bangunan	13		
3.3	Struktur bangunan	15		
3.4	Tujuan / sebab binaan	18		
3.5	Fungsi bangunan masa kini	19		
3.6	Langkah-langkah pemerliharaan	10		
3.7	Rumusan	21		
3.8	Rujukan	22		
4.	Penilaian umum	23		

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Saya menjalankan kajian ini bagi Kerja Kursus Sejarah adalah untuk mengkaji tentang Bangunan Sultan Abdul Samad dengan lebih dekat lagi. Melalui kajian ini saya dapat memenuhi objektif berikut:

- a) Kajian ini dilakukan secara amnya ialah untuk mengenal pasti sumber-sumber sejarah yang sahih. Ini akan dapat membantu saya membuat satu kajian ilmiah dengan tatacara yang betul, jelas dan tepat.
- b) Kajian ini dapat menambah pengetahuan saya tentang bangunan bersejarah yang ada di Malaysia ini serta dapat memupuk perasaan bangga terhadap tanah air kita. Kajian ini juga dapat menyedarkan rakyat Malaysia betapa pentingnya bangunan bersejarah di negara kita kerana ianya dapat menyedarkan kita untuk menjaga dan mempertahankan bangsa serta memupuk semangat kekitaan dikalangan rakyat Malaysia.
- c) Dengan membuat kajian ini, saya dapat mengimbil iktibar daripada peristiwa yang berlaku di sebalik bangunan bersejarah tersebut. Misalnya seperti bangunan Sultan Abdul Samad, ianya menyedarkan saya bahawa perpaduan kaum serta bersifat adil, jujur dan amanah amat penting pada diri setiap individu.
- d) Saya juga dapat memupuk semangat patriotisme di dalam diri saya dan juga dalam kalangan generasi muda melalui kajian ini.

1.4 KAEDAH KAJIAN

Sebanyak 5 kaedah kajian telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci dan bersistematik.

i. Kaedah analisis dokumen

Saya juga turut merujuk dokumen dari untuk memastikan kesahihan fakta yang ada. Dengan ini, penulisan kajian saya tidak akan diragui akan kebenarannya.

ii. Kaedah penyelidikan perpustakaan

Saya juga turut mengunjungi perpustakaan untuk menjalankan penyelidikan sumber-sumber yang ada di situ. Dengan penyelidikan sumber yang pelbagai seperti buku ilmiah, akhbar, majalah dan sebagainya akan menguatkan lagi kajian saya.

iii. Muat turun internet

Saya turut menggunakan kemudahan ict yang terdapat dalam negara kita dengan melayari laman sesawang produkyang dikaji malah turut memuat turun bahan yang terdapat sebagai rujukan.

iv. Bimbingan Guru

Saya telah mendapat bimbingan guru, iaitu Puan

v. Temubual

Kaedah yang saya jalankan dalam menyiapkan kerja kursus ini antaranya ialah dengan menggunakan kaedah lisan iaitu melalui temubual dengan orang sumber saya yang sememangnya pakar tentang Bangunan Sultan Abdul Samad ini. Beliau banyak memberi maklumat tentang Bangunan Sultan Abdul Samad.

2.1 MENGUMPUL MATLUMAT

*Pelajar perlu melampirkan fotokopi potongan akhbar / majalah / rencana/ halaman buku, gambar-gambar foto, risalah atau sumber-sumber lain.

a) BUKU ILMIAH

- Nama Pengarang : J.M Gullick

Tahun Terbit : 1994

Tajuk Buku : Images of Asia, “Old Kuala Lumpur”

Tempat Terbit : New York, United States.

Penerbit : Oxford University Press

b) AKHBAR

- Nama Akhbar : Sunday Metro

Tarikh : 8 Februari 2009

Halaman : 6

c) MAJALAH

- Nama majalah : Virtual Malaysia

Tarikh : 4 Oktober 2007

Halaman : 78

d) **INTERNET**

- Bangunan Sultan Abdul Samad,

http://malaysiana.pnm.my/senibina/Seni%20Bina%20Web%20v2/b_bersejarah/bsuitanabdulsamad

- Warisan Malaysia, http://daftarwarisan.gov.my/admin/mypicture/20070627_042145_16020_Pelan%20Lokasi...
- Bangunan Bersejarah, http://daftarwarisan.gov.my/index.php?page=warisan_keb_home&subpage=show_detail&...
- Sejarah Malaysia, http://sejarahmalaysia.pnm.my/portalBM/detail.php?section=srn05&spesifik_id=41&ttl_id

e) **ORANG SUMBER**

- Nama :xxxxxx

Umur :xxxxx

Alamat :xxxxx

f) **TELEVISYEN**

- Tajuk program :Ezzy Sunday: Kembara Destinasi

Tarikh :19 April 2009

Masa :11.00 -11.30 pagi

Rangkaian :RTM

LAPORAN TEMUBUAL BERSAMA ORANG SUMBER

Saya telah menemubual seorang responden di kampung saya, beliau agak berpengalaman dalam bidang ini. Nama beliau ialah xxxxxxxxxxxxxxxx.Beliau tinggal dixxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx

Beliau telah menceritakan serba sedikit mengenai Bangunan Sultan Abdul Samad kepada saya. Bangunan ini dibina pada tahun 1893 dan merupakan bangunan termahal pada suatu ketika dahulu. Di samping itu bangunan ini juga merupakan bangunan terbesar dan tercantik pada suatu ketika dahulu.Nama bangunan ini diambil sempena nama Sultan Selangor iaitu Sultan Abdul Samad.

Bangunan ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Di hadapan bangunan ini bendera Union Jack diturunkan pada malam Merdeka dan menjadi pengisytiharan Kemerdekaan. Bangunan ini dahulunya digunakan sebagai pejabat kerajaan negeri.

Bangunan Sultan Abdul Samad adalah merupakan mercu tanda yang sangat sinonim bagi bandaraya Kuala Lumpur hatta negara Malaysia. Kehadiran, keunikan dan identiti seni bina yang terdapat pada bangunan tersebut mendapat pujian dan sanjungan dari segenap lapisan penduduk Malaysia mahupun luar negara. Bangunan ini berjaya menjadi ikon kepada Kuala Lumpur dan beberapa perayaan penting seperti Sambutan Tahun Baru, Sambutan Hari Kemerdekaan dan acara-acara yang membabitkan promosi pelancongan negara telah disambut berhadapan bangunan tersebut.

Setakat ini sahajalah yang saya dapat saya peroleh hasil daripada temubual saya bersama responden.

* Laporan di atas boleh ditulis dalam bentuk dialog (soal-jawab).

2.2 KERANGKA KASAR PENULISAN

Bil.	Tugasan	Butir
1.	Pengenalan	<ul style="list-style-type: none"> - Memperkenalkan bangunan tersebut. - Menceritakan keunikan bangunan tersebut. - Lokasi bangunan.
2.	Latar belakang bangunan	<ul style="list-style-type: none"> - Menceritakan asal-usul bangunan tersebut. - Pengasas bangunan/ tarikh pembinaan/ kos binaan - Tarikh perasmian bangunan
3.	Stuktur bangunan	<ul style="list-style-type: none"> - Reka bentuk pelan bangunan - Bahan binaan - Haisan dalaman - Cara pembinaan
4.	Tujuan bangunan dibina	<ul style="list-style-type: none"> - Menyatakan tujuan asal bangunan dibina - Kegunaan dahulu bangunan
5.	Fungsi dan keadaan bangunan pada masa kini	<ul style="list-style-type: none"> - Menyatakan kegunaan bangunan sekarang - Keadaan bangunan sekarang
6.	Cadangan langkah-langkah memelihara bangunan	<ul style="list-style-type: none"> - Menyatakan peranan kerajaan - Merupakan tanggungjawab rakyat - Agensi-agensi kerajaan
7.	Rumusan	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi pengetahuan - Memupuk unsur-unsur patriotisme - Menyatakan harapan yang relevan.
8.	Rujukan	<ul style="list-style-type: none"> - Berdasarkan buku, majalah, akhbar - Internet - Temubual - Television
9.	Penilaian umum	<ul style="list-style-type: none"> - Memupuk semangat patriotik dan cintakan warisan bangsa - Menghargai dan berbangga dengan sejarah negara - Melahirkan rakyat berdisiplin

3.1 PENGENALAN



(Gambar Bangunan Sultan Abdul Samad)

www.andrewchoo

1. Nama Bangunan

Nama bangunan ini diambil bersempena dengan nama Sultan Selangor yang memerintah pada masa itu, iaitu Sultan Abdul Samad pada tahun 1896. Pada asalnya bangunan ini hanya disebut ‘Bangunan’ sebelum ditukar nama kepada nama Sultan Abdul Samad.

Bangunan Sultan Abdul Samad adalah merupakan mercu tanda yang sangat sinonim bagi bandaraya Kuala Lumpur hatta negara Malaysia. Kehadiran, keunikan dan identity seni bina yang terdapat pada bangunan tersebut mendapat pujian dan sanjungan dari segenap lapisan penduduk Malaysia mahupun luar negara. Bangunan ini berjaya menjadi ikon kepada Kuala Lumpur dan beberapa perayaan penting seperti Sambutan Tahun Baru, Sambutan Hari Kemerdekaan dan acara-acara yang membabitkan promosi pelancongan negara telah disambut di sini.

2. Keunikan Bangunan

Kerja-kerja mereka bentuk bangunan ini telah bermula seawal tahun 1889, setelah W. E. Maxwell mengambil alih tugas sebagai Residen British di Selangor. Pada masa itu, Kuala Lumpur hanya dihuni oleh bangunan-bangunan rumah kedai dan beberapa bangunan kerajaan yang tidak berapa menonjol. Maxwell telah membawa C. E. Spooner dari Ceylon sebagai State Engineer dan dibantu oleh Bellamy dan A.C. Norman sebagai arkitek.

Reka bentuk asal yang dikemukakan oleh Norman adalah hanya sebuah bangunan yang berkonsep Inggeris Classical Renaissance. Bidwell, seorang arkitek muda, adalah orang yang bertanggungjawab mengadaptasi seni bina Islam (Mahometan style) sebagai tonggak reka bentuk tampak bangunan tersebut di atas pelan asal Norman selepas Spooner kurang berpuashati dengan reka bentuk tampak yang dikemukakan oleh A.C. Norman. Bangunan dua tingkat ini mempunyai ketinggian 17.5 meter dengan menara jam setinggi 40 meter dan meliputi kawasan seluas 10,200 meter persegi.

Ciri-ciri utama bangunan ini adalah ketiga-tiga kubahnya, menara jam besar dan arked serta lengkungannya yang luas. Ketiga-tiga kubah tersebut yang asalnya diperbuat daripada kayu dan batu bata dan dicat hitam, telah digantikan dengan kubah-kubah bersalut tembaga. Kubah yang terletak di atas menara jam besar diapit oleh dua kubah kecil dengan tangga pilin menurun. Kubah tengah agak luar biasa kerana ia adalah paduan dua ciri tradisional kubah dan kios.

Arch yang terdapat di bangunan ini adalah berbentuk ladam yang tajam dengan jarak antara dua tiang yang berbeza-beza. Ianya diperbuat daripada batu-bata yang dicat hitam.

Menara jam besar yang terletak di tengah-tengah diimbangi oleh dua menara kecil di sudut bangunan. Tangga pilin di menara kecil menghala ke arah menara seolah-olah melambangkan keagungan bangunan ini.


Pelan bangunan ini berbentuk ladam yang mana di tengah-tengahnya terdapat satu dataran/laman segi empat yang dipagari oleh batas-batas pokok bunga. Kehadiran laman ini memberi pengudaraan kepada ruang legar di sebelah tampak dalam bangunan ini.

Bahagian utama bangunan ini ialah anjung yang menghadap ke arah Padang Kelab Diraja Selangor. Apabila memasuki pintu utama bangunan ini, kita dapat melihat tangga berbentuk separuh bulatan yang menuju ke kamar-kamar Hakim dan bilik-bilik Mahkamah Agung.

Ruang pejabat bangunan ini hampir 100 peratus dikelilingi serambi yang mana memberikan pengudaraan secara maksima, terutama pada zaman ianya dibina tidak mempunyai pendingin udara.

3. Lokasi Bangunan Sultan Abdul Samad

Bangunan Sultan Abdul Samad ini terletak pada satu tapak di antara pertemuan Sungai Kelang dan Sungai Gombak dan terkenal kerana merupakan satu tempat yang strategik iaitu di tengah-tengah pusat bandar Kuala Lumpur. Keluasan kawasan tersebut adalah 10,200 meter persegi. Di bahagian belakangnya terdapat Jalan Belanda yang kini dikenali sebagai Jalan Makamah Persekutuan. Kedudukan bangunan dikatakan strategik kerana terletak berhampiran dengan Dataran Merdeka, Kelab Diraja Selangor dan Masjid Jamek yang kesemuanya terletak berhampiran Sungai Gombak.



(Pelan lokasi Bangunan Sultan Abdul Samad)

3.2 LATAR BELAKANG BANGUNAN

- **Tarikh Pembinaan**

Bangunan ini telah di bina pada tahun 1893.Tetapi perlakuan batu asas bagi bangunan ini hanya dibuat pada 6 Oktober 1894 oleh Sir Charles B.H Mitchell yang merupakan Gabenor negeri-negeri Selat ketika itu.Bangunan ini telah siap di bina pada tahun 1897.

- **Asal-usul Bangunan Sultan Abdul Samad**

Pada mula pembinaannya di kenali sebagai Bangunan Baru Kerajaan (the new Government Offices), kemudian sebagai Sekretariat Persekutuan, (Federal Secretariat), di guna bersama dengan Kerajaan Negeri Selangor sebelum berpindah ke Shah Alam pada tahun 1974.

Pembinaan Bangunan ini adalah kemuncak pembangunan yang di dirikan di Kuala Lumpur pada akhir abad ke 19 malah berupa kejayaan program Bangunan Tersergam (Massive Building programme), di bawah pengendalian Maxwell/Spooner sebagai perancang dan arkitek Bangunan Kerajaan di Kuala Lumpur ketika itu.

- **Pengasas Bangunan Sultan Abdul Samad**

Bangunan ini telah diasaskan oleh arkitek Inggeris yang bernama Anthony C.Norman sekitar tahun 1893-1897 untuk menempatkan beberapa jabatan kerajaan penting ketika zaman pemerintahan British.Norman menghabiskan masa di Afrika dan mendapat ilham daripada masjid di India yang membawa kepada ciri senibina Moor dalam arkitektur Bangunan Sultan Abdul Samad.

- **Kos Pembinaan**

Kos binaan setelah siap April 1897 berjumlah \$152,824 (anggaran awal \$152,000) memakan masa pembinaan selama 2 tahun 7 bulan selepas perletakan batu asas yang dilakukan oleh H.E Sir Charles B.H Mitchell K.C.M.G (Gabenor negeri-negeri Selat) pada 6hb Oktober 1894.Kos pembinaanya yang berjumlah \$152.824 merupakan bangunan yang termahal di rantau ini pada ketika ianya didirikan.



(Batu asas Bangunan Sultan Abdul Samad)

WWW.ANDREWCHOO. MY

3.3 STRUKTUR BANGUNAN

- **Cara pembinaan**

Sebagai Bangunan yang menjadi pemula dalam waktu pembinaanya 1894.


1897, hasil senibinanya pula lengkap dengan ciri ciri keistimewaan dari aspek komposisi karektor seperti: stail, ragam hias dan pemilihan unsur unsur Islam pada gerbang tingkap, bentuk separuh lengkong (arch), kubah potong bawang (dome) dan struktur berbentuk minaret yang kebiasaannya terdapat pada senibina Masjid.

- **Bahan Binaan**


Sejarah pembinaan Bangunan Awam Kerajaan yang pertama di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Negeri Melayu Bersekutu (F.M.S) ini melibatkan penubuhan sebuah kilang bertempat di Brickfield bagi membekalkan bahan binaan seperti 4 juta batu bata, 2,500 tong simen, 18,000 pikul kapur, 5,000 lb tembaga, 50 tan besi keluli dan 30,000 kaki padu kayu.

- **Hiasan dalaman**


Didalam bangunan ini turut dibina sebuah dataran berbentuk segi empat yang diperindahkan di mana di tengah-tengahnya terdapat satu dataran tinggi segi empat yang dipagari oleh batas-batas pokok bunga yang cantik. Bangunan ini juga mempunyai tiga kubah, satu menara jam besar dan sebuah arked. Ia juga terdapat satu serambi besar tertutup.




(Pelan Tingkat Bawah)



(Pelan Tingkat Satu)



(Pelan Tingkat Dua)



(Pelan Tingkat Mezanin)

(Pelan Bangunan Sultan Abdul Samad)

Tampak



TAMPAK HADAPAN



TAMPAK BELAKANG



TAMPAK KIRI



TAMPAK KANAN

3.4 TUJUAN BINAAN

- Tujuan penubuhan Bangunan Sultan Abdul Samad

Tujuan penubuhan awal adalah sebagai Bangunan Kerajaan Baru untuk menempatkan semua Jabatan pentadbiran Negeri – Negeri Melayu Bersekutu (F.M.S) di bawah satu Bangunan pentadbiran berpusat:

1. Menempatkan Sekretariat Kerajaan (G.S.O);
2. Bilik mesyuarat Majlis Negeri (Council Chamber);
3. Pejabat Pos; Lembaga Kebersihan (Sanitary Board);
4. Pejabat Kehakiman (Judicial Commissioner);
5. Public Works Department (PWD);
6. Audit dan Perbendaharaan;
7. Pejabat Tanah;
8. Jabatan Galian;
9. Pejabat Daerah Jabatan Kerja Raya (P.W.D. District Office)

* Nota-nota di atas boleh dikembangkan dengan huraian masing-masing mengikut kehendak guru.

3.5 FUNGSI DAN KEADAAN BANGUNAN MASA KINI

- **Kegunaan Sekarang**
 - i. Mahkamah Tinggi Malaysia
 - ii. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
- **Pengubahsuaian**

Sekitar tahun 1978, kerja-kerja pengubahsuaian telah dibuat dan siap sepenuhnya dalam tahun 1984 dengan anggran belanja RM 17.2 juta. Pada waktu itu, kerajaan Australia telah menyumbang sebanyak RM200,000 sebagai kos menyadur tembaga bagi ketiga-tiga kubah pada tahun 1982. Pengubahsuaian ini dilakukan hanya pada bahagian dalam bangunan tanpa menjaskan bahagian luarnya dan kedudukan asal bangunan tersebut. Selepas siap sepenuhnya, Bangunan Sultan Abdul Samad ini sekali lagi dirasmikan pada tahun 1984.

- * **Kegunaan sekarang boleh dipanjang lebarkan dengan peranan mahkamah berkenaan.**

3.6 LANGKAH-LANGKAH PEMERLIHARAAN

3.6 Cadangan

Langkah-langkah memelihara / memulihara bangunan bersejarah

Bangunan Sultan Abdul Samad

Berikut adalah cadangan yang boleh diambil tindakan oleh pelbagai pihak:

1. Pihak Kerajaan

- I. Pihak kementerian pendidikan boleh memasukkan BSAS ke dalam sukanata mata pelajaran Sejarah / buku tek sekolah atau kerja kursus sebagaimana yang dilakukan sekarang.
- II. Mendapatkan pengiktirafan daripada UNESCO untuk mewartakan BSAS sebagai warisan dunia.
- III. Usaha DBKL mewartakan BSAS sebagai warisan kebangsaan di dalam Pelan Induk Pembangunan, Kuala Lumpur adalah langkah terbaik.
- IV. Kementerian Pelancongan boleh mewajibkan BSAS dimasukkan ke dalam pakej pelancongan untuk lawatan para pelancong antarabangsa.
- V. Memperuntukkan dana untuk memulihara BSAS menjadi bangunan yang serba moden dengan kemudahan atas seperti lift, eskalator dan sebagainya.
- VI. Boleh mengubahkan BSAS menjadi kompleks membeli-belah/ komersial atau muzium dan sebagainya. Contohnya, pasar besar, Kuala Lumpur telah diubahsuai menjadi Bangunan Seni (Central Market) yang terkenal hari ini.
- VII. Mengadakan sambutan Hari Kemerdekaan / Pesta / Kemasyarakatan di hadapan BSAS.

2. Sekolah / Ibubapa

- I. Persatuan / Kelab sekolah / Ibubapa boleh membuat lawatan ke BSAS terutamanya pada musim cuti sekolah untuk mengenali BSAS dengan lebih dekat kerana kalau tak kenal maka tak cinta.
- II. Pihak sekolah boleh menggalakkan lukisan mural pada dinding sekolah / pertandingan esei / lukisan mengenai BSAS untuk memupuk semangat cintakan tanah air.

3. Media Massa (Majalah / Akhbar / TV)

- I. Pihak media boleh membuat dokumentasi mengenai BSAS untuk pengetahuan umum.
- II. Pihak perfileman juga boleh membuat drama / tayangan di lokasi tersebut untuk memperkenalkan BSAS di mata dunia. Contohnya, filem "Police Story III", lakuman Jacky Chan berlatar belakangan Stesen Keretapi dan Mahkamah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Oleh itu, bersama-sama kita berganding bahu mengekalkan warisan sejarah kita agar tidak lupuk dek hujan dan tak lekang dek panas.

3.7 RUMUSAN

Saya amat bersyukur kerana telah berjaya menyiapkan kerja kursus Sejarah ini tepat pada masa yang telah ditetapkan. Ketika menjalankan kerja kursus ini, banyak pengetahuan, pengajaran dan nilai yang telah saya pelajari.

Saya berasa amat berbangga menjadi rakyat Malaysia yang mempunyai pelbagai bangunan bersejarah yang unik serta menjadi ikon negara Malaysia. Semasa menjalankan kajian ini, saya mendapati setiap ciri-ciri yang terdapat pada bangunan Sultan Abdul Samad ini mempunyai sebab dan maksud tertentu. Bangunan Sultan Abdul Samad adalah merupakan mercu tanda yang sangat sinonim bagi bandaraya Kuala Lumpur hatta negara Malaysia. Kehadiran, keunikan dan identiti seni bina yang terdapat pada bangunan tersebut mendapat pujian dan sanjungan. Bangunan ini telah berjaya menjadi ikon kepada Kuala Lumpur dan beberapa perayaan penting seperti Sambutan Tahun Baru, Sambutan Hari Merdeka dan acara-acara yang membabitkan promosi pelancongan negara.

Selain itu, kita dapat memupuk perasaan cinta akan warisan bangsa yang menjadi mercu tanda negara kita dan sanjungan dari segenap lapisan masyarakat Malaysia serta mendapat pujian daripada luar negara.

Di samping itu, kita haruslah menghargai bangunan-bangunan bersejarah ini dan berusaha memelihara serta memulihara bangunan-bangunan ini agar terus menjadi warisan bangsa. Generasi masa hadapan juga dapat mengenali dan mengetahui mengenai bangunan-bangunan bersejarah ini.

Saya juga dapat menghayati nilai kesabaran, ketabahan, kejujuran dan kerjasama antara rakan-rakan semasa menjalankan dan menyelesaikan kerja kursus ini dengan sempurna. Nilai kerjasama telah membuatkan saya bersama rakan-rakan berganding bahu untuk mencari maklumat tentang bangunan-bangunan yang bersejarah.

3.8 RUJUKAN

Buku Ilmiah

J.M Gullick, 1994, Images of Asia, “Old Kuala Lumpur”, New York, United States: Oxford University Press.

Majalah

Virtual Malaysia, 4 Oktober 2007, halaman 78.

Akhbar

Sunday Metro, 8 Februari 2009, halaman 6.

Orang Sumber

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

Internet

Bangunan Sultan Abdul Samad, http://malaysiana.pnm.my/senibina/Seni%20Bina%Web%20v%20b_bersejarah/bsuitanabdulsamad

Warisan Malaysia, http://daftarwarisan.gov.my/admin/mypicture/20070627_042145_16020_Pelan%20Lokasi...

Bangunan Bersejarah, http://daftarwarisan.gov.my/index.php?page=warisan_keb_home&subpage=show_detail...

Sejarah Malaysia, http://sejarahmalaysia.pnm.my/portalBM/detail.php?section=srn05&spesifik_id=41&ttl_id

Televisyen

Ezzy Sunday: Kembara Destinasi, 19 April 2009, 11.00 -11.30 pagi, RTM:TV 2.

4. PENILAIAN UMUM

Pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah dapat memupuk semangat cintakan warisan bangsa dalam kalangan rakyat Malaysia.

Dewasa kini, kerajaan telah menyarankan agar generasi muda kini dapat menghargai jasa dan pejuang tokoh-tokoh negara ditanah air kita.Oleh itu, kerajaan telah menjalankan berbagai-bagi usaha untuk memelihara dan memulihara bangunan bersejarah agar dengan itu dapat memupuk semangat cintakan warisan bangsa dalam kalangan rakyat Malaysia.

Hal ini kerana, aktiviti ini dapat menimbulkan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia.Sebagai contoh, bangunan yang dibina oleh British di Kuala Lumpur iaitu bangunan Sultan Abdul Samad dapat lagi kita lihat dari dulu hingga sekarang, bangunan itu masih kekal dan tidak berubah.Oleh itu,kita mesti berbangga dengan sejarah negara.Impaknya, masyarakat akan bekerjasama dan tolong-menolong untuk mempertahankan bangunan-bangunan bersejarah ini.

Bangunan bersejarah di negara kita ini banyak meninggalkan kesan sejarah yang menarik untuk dikenang seperti bangunan Sultan Abdul Samad yang pernah dijadikan sebagai tempat pengumpulan raja-raja Melayu sewaktu menentang Malayan Union. Peristiwa sedemikian mengingatkan kita bertapa susahnya mereka untuk mempertahankan tanah Melayu ini daripada jatuh ke tangan British. Ini membuatkan kita sebagai rakyat Malaysia lebih menghargai negara kita.Daripada bangunan bersejarah itu kita akan lebih semangat rajin dan gigih untuk menigkatkan diri sebagai rakyat negara yang maju dan cinta akan agama,bangsa dan negara serta berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara.

Dalam melaksanakan proses pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah juga, masyarakat Malaysia mestilah menunjukkan semangat disiplin yang tinggi Aktiviti seperti ini juga memerlukan kita mempamerkan sikap bertindak wajar serta mematuhi undang-undang pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah Keadaan ini jika disemai berterusan akan melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai disiplin yang tinggi terhadap peraturan negara.Secara tidak langsung, Perlembagaan Negara dijunjung dan dipertahankan .

Selain itu,melalui aktiviti ini juga akan menimbulkan semangat setia negara dan akan tersemai di jiwa setiap masyarakat.Misalnya tokoh-tokoh negara yang telah mengadaikan nyawa dan harta untuk berjuang habis-habisan untuk memerdekaan tanah air Malaysia yang kita duduki sekarang.

Melalui pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah juga , kita dapat menyemai semangat bersatu padu dan berharmoni di antara masyarakat majmuk. Dalam melaksanakan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah seperti ini juga mengkehendaki kita bekerjasama dan tolong menolong antara ahli masyarakat. Semangat muhibah atau semangat bermuafakat yang dibentuk seterusnya akan melahirkan semangat patriotik antara anggota masyarakat.

Kesimpulannya,kita mesti taat dan setia kepada raja dan pemimpin negara kerana mereka berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara.Oleh itu,kita mesti berterima kasih kepada tokoh-tokoh negara dengan cara berusaha untuk terus memelihara dan memulihara bangunan bersejarah tersebut dan yang paling utama ialah bersyukur kepada yang Ilahi iaitu ALLAH S.W.T. kerana telah memberi tenaga untuk berusaha memerdekaan tanah air kita ini

Diubahsuai daripada

<https://www.scribd.com/doc/15566541/Folio-Sejarah-2009-Bangunan-Sultan-Abdul-Samad>

**TO BE CONTINUE
LOGIN AGAIN**

***** Pelajar tidak boleh meniru bulat-bulat atau Piagat. Gunakan tips ini sebagai panduan.**

**Get our 100% exam tips (PT3)
for BM, BI, Mathematics, Science &
Kemahiran Hidup (Teras)**

**Pre-order now
via www.andrewchoo.com.my**

Or

**Join our LIVE Seminar PT3
at University Malaya
on 11 Sept'16 (Sun)****